

Adelina Raisa pelajar terbaik Kolej Queen Mary

Kasmo 8/9/09 MS 4



ADELINA (kiri) meraih anugerah Pelajar Keseluruhan Terbaik Universiti London baru-baru ini.

KUALA LUMPUR - Pelajar Malaysia, Adelina Raisa Sufian, 21, meraih anugerah 'Pelajar Keseluruhan Terbaik' dengan kelulusan Kelas Pertama Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Inggeris di Kolej Queen Mary, Universiti London yang sekali gus mengharumkan nama negara.

Beliau mencipta sejarah tersendiri apabila dipilih untuk anugerah 'Westfield Trust Prize for Outstanding Academic Achievement' apabila berjaya menjadi pelajar Malaysia pertama memenangi anugerah yang dianggap paling berprestij dari universiti tersebut.

Anak sulung kepada pasangan Datuk Sufian Majid dan Datin Alissa Fitri itu berkata, beliau begitu gembira dan bangga kerana mendapat kelulusan kelas pertama dan berjaya menggondol anugerah tersebut kerana ia merupakan impian dan cita-citanya ketika mula menjejak kaki di universiti tersebut.

"Saya belajar bersung-

guh-sungguh dengan menetapkan sasaran tertentu. Yang penting adalah kesungguhan dan keyakinan pada diri kita. Saya terpaksa menandingi ramai pelajar di London dan juga pelajar dari negara lain tetapi berbekalkan semangat yakin boleh, saya berjaya melakukannya.

"Saya juga selalu mendapat sokongan dan rangsangan daripada ibu bapa dan juga adik saya. Kata-kata rangsangan mereka memberikan suntikan semangat yang kuat kepada saya," katanya kepada *Bernama*.

Beliau juga pernah memenangi anugerah 'Headmaster's Prize' pada 2004 di Oakham School dan juga Anugerah Terbaik untuk mata pelajaran Matematik, Inggeris dan Kimia pada tahun yang sama.

Ketika ditanya mengenai perancangan seterusnya, Adelina Raisa yang suka meluangkan masanya untuk menulis berkata: "Saya akan bekerja di Malaysia. Saya sayangkan Malaysia. Negara kita tetap menjadi pilihan saya." - *Bernama*